



Majlis Belia Selangor
Aras 4 & 5, Kompleks Belia dan Kebudayaan
Negeri Selangor, Lot 4, Jalan 7/52
Seksyen 7, 40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan



**SESI PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BERHUBUNG
DENGAN PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA**

CADANGAN

- 1) Pendaftaran pemilih dibuat secara automatik bagi warganegara yang berumur 21 tahun.
- 2) Warganegara yang sudah berdaftar sebagai pemilih tetapi tidak mengundi, automatik pendaftarannya akan terkeluar daripada daftar pemilih selepas tempoh satu pilihanraya dan perlu mendaftar semula.
- 3) Memperluaskan penggunaan sistem IT secara "online". Penglibatan antara agensi dan jabatan dari segi sistem maklumat perlu dilaksanakan.
- 4) Kegunaan ink pengesahan selepas mengundi.
- 5) Mengundi di luar negara (bukan kategori Pengundi Pos). Bagaimanakah SPR akan memantau seseorang itu tidak memiliki dwi kewarganegaraan atau pun status penduduk tetap jika ianya dilaksanakan.
- 6) Seorang warganegara yang mempunyai dwi kewarganegaraan dan status penduduk tetap di negara lain tidak layak mengundi.

- 7) Petugas Pilihan Raya – Seorang petugas itu harus bersikap “*neutral*” dan tidak memihak kepada mana-mana parti politik. Bagaimanakah SPR dapat memastikan petugas yang dilantik ini tidak bertindak diluar norma tugas mereka.
- 8) Perjalanan Pilihan Raya SPR – Soalan Lazim.
Mohon Penjelasan;
- Q. Orang ingin mengundi tetapi namanya telah di tanda sebagai telahpun keluar mengundi?
- A. Beliau tidak boleh mengundi.
- 9) Seorang calon yang bertanding kerusi DUN atau Parlimen tidak boleh bertanding kedua-dua kerusi, samada di dalam negeri yang sama ataupun negeri lain.
- 10) SPR perlu memantau etika kempen terutama sekali melalui media alternative yang terlampau ghairah, sama seperti pendekatan dan syarat penyokong semasa penamaan calon. Ini pilihanraya bukan nak kiamat.
- 11) Sumber kewangan perbelanjaan calon – Perlu ada accountability untuk memastikan tiada unsure negatif (wang haram, kongsi gelap, sumber luar yang tidak pasti). Calon perlu menyatakan kewangan perbelanjaan kempen dan audit di buat bagi memastikan tiada salah laku.

Tamat